

Tak Sangup Lihat Adik Derita, Kakak Korban DERMA BUAH PINGGANG

Kisah kegigihan lelaki yang berasal dari kampung Raja Besut, Terengganu ini sememangnya harus dijadikan contoh dan inspirasi buat bakal graduan di luar sana untuk menempa kecemerlangan biarpun dibebani dengan masalah kesihatan diri.



Jan - Feb 2019 56 keluarga



olah dunia ini sudah gelap dan tiada erti lagi. Namun, berkat kekuatan yang diberikan ibu bapa serta keluarga menyebabkan saya terus bangkit dan berazam untuk belajar dengan tekun dan menghabiskan pembelajarannya di UMT dengan cemerlang.

PENGOBANAN TIDAK TERBALAS

Ditanya mengenai pengorbanan kakaknya, Nor Fadhilah yang sanggup mendermakan buah pinggang, jelas Khairul itu adalah pengorbanan yang tidak terbalas.

"Kalau diikutkan semuanya ok, sebab saya dan kakak memang serasi, mungkin bukan rezeki saya. Sebab workout transplant kami buat hampir 2 tahun semuanya ok. Namun, rezeki tidak berpihak kepada kami apabila pemindahan tersebut gagal selepas tiga hari," imbasnya.

Berbekalkan semangat dan dorongan keluarga serta bantuan pensyarah dan rakan-rakan, dia kembali menyambung pengajian dalam keadaan yang sangat mencabar. Memandangkan kesihatannya sentiasa berubah-ubah serta terpaksa

menghidap penyakit buah pinggang tahap empat bagaimana pun tidak menghalang Muhammad Khairuzzaman Abdul Manan @ Abdul Munin, 24, menggenggam segulung ijazah dengan keputusan cemerlang pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Ke-16 yang lalu.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) ini mula dikesan menghidap penyakit buah pinggang tahap empat pada 2013 iaitu setahun sebelum dia

mendaftar diri di UMT.


"Peringkat awal disahkan menghidap penyakit tersebut ia bagaikan satu tampanan buat saya dan keluarga. Seolah-

menjalani dialisis 10 jam setiap malam dengan mesin yang disewa khas di rumah sewanya bersama rakan di sekitar UMT. Kos sewaan peralatan dialisis mencecah RM3,200 sebulan itu ditanggung oleh ibu, ayah dan dibantu adik beradiknya.

"Saya terpaksa menangguhan pengajian pada semester empat kerana perlu menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang. Selama hampir 3 tahun (2013-2016) saya bertahan tanpa dialisis, tapi banyak juga makan dan ubat yang doktor bagi. Apabila dekat



in Sultan Mizan



dengan operation transplant tahun 2016 saya baru on dialisis.

"Sebelum dialisis saya memang sangat penat, rasa tak boleh fokus pun ada. Memang tak dinafikan memang awal-awal tahun selalu rasa give up. Tapi sokongan keluarga buatkan saya kuat balik. Bila transplant saya gagal, saya on dialisis APD, iaitu cucian air melalui perut. Saya kena sewa mesin APD RM3200 sebulan. Bila dah start dialisis pelajaran saya sangat terganggu, masa saya terhad sebab kena dialisis 10 jam pada setiap malam," jelas Khairul lagi.

ANUGERAH DEKAN

Dengan keadaan kewangan dan kesihatan yang terhad beliau telah berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan yang cemerlang. Amat membanggakkan keputusan pada semester akhir pengajiannya di UMT adalah dengan memperoleh Anugerah Dekan.

Dia yang mengakui tiada cara tertentu dalam belajar, sebaliknya masa yang ada digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, banyakkan tanya pensyarah, kawan-kawan kalau tak faham.

"Yang penting selalu dekakten diri dengan Allah, banyak lakukon solat sunat dan buat kebajikan. Bagi saya peluang untuk melanjutkan pelajaran di UMT sudah menjadi nikmat besar, sebab mungkin ramai lagi yang mahu belajar di sini tapi tak dapat. Ini juga menjadi penguat saya untuk sentiasa bersyukur walaupun sakit ketika di universiti," ujarnya sebelum menutup perbualan bersama penulis. ®



Keluarga yang menjadi tulang belakang Khairuzzaman.



Sakit tak halang wcapai cita-cita dan memperolehi

Jan - Feb 2019 57 keluarga